

Cukai pendapatan individu, korporat perlu dikurangkan

PETALING JAYA - Kerajaan perlu mengurangkan kadar cukai pendapatan individu dan korporat, masing-masing kepada 20 peratus untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif.

Pengarah Urusan Deloitte Tax Services, Yee Wing Peng berkata, ketika ini, kedua-dua kadar cukai tersebut adalah tinggi, iaitu masing-masing 25 peratus yang tidak kompetitif berbanding negara jiran.

"Bagi menarik lebih banyak pelaburan langsung asing, kami mahu melihat cukai pendapa-

tan korporat dikurangkan kepada 20 peratus dalam tempoh tiga tahun akan datang.

"Begitu juga cukai pendapatan individu dikurangkan kepada 20 peratus untuk menarik lebih ramai tenaga kerja di luar negara dan mengekalkan tenaga kerja tempatan di sini," katanya pada Forum Cukai PraBajet di sini semalam.

Wing Peng berkata, pengurangan cukai tersebut perlu menjadi antara bidang tumpuan kerajaan semasa membentangkan Bajet 2016 pada 23 Oktober ini.

- Bernama